



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel: 03-8000 8000
Faks: 03-8889 5542
Email: anhisham@moh.gov.my

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : KKM.600-29/4/146 Jld. 8 (91)
Tarikh : 17 Disember 2020

Senarai Edaran

YBhg. Dato' Sri / Datuk / Dato' Indera / Dato' / Tuan / Puan,

PERUBAHAN PROSEDUR SARINGAN KESIHATAN, UJIAN COVID-19 DAN KUARANTIN KEPADA PENGEMBARA WARGA NEGARA DAN BUKAN WARGA NEGARA YANG BARU TIBA DI MALAYSIA DARI LUAR NEGARA

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah memutuskan bahawa mulai 24 Julai 2020, semua individu yang baru tiba di Malaysia dari luar negara, dikenakan perintah kuarantin wajib di stesen kuarantin yang telah ditetapkan. Mengambil kira situasi semasa dan bukti saintifik, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menyemak semula prosedur kuarantin bagi pengembara (warganegara dan bukan warganegara) yang tiba di Malaysia, KKM memendekkan tempoh kuarantin daripada 14 hari kepada tujuh (7) hari bagi pengembara yang menunjukkan laporan ujian RT-PCR COVID-19 semasa ketibaan di Pintu Masuk Antarabangsa Negara dan 10 hari bagi yang tiada membawa bersama laporan RT-PCR COVID-19.

3. Sehubungan dengan itu, KKM memohon YBhg. Dato' Sri/ Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Tuan/ Puan untuk memaklumkan dan mewar-warkan keputusan Kerajaan untuk mewajibkan semua pengembara yang akan tiba di Malaysia melaksanakan perkara-perkara di bawah:-


- i. Menjalani ujian pengesanan RT-PCR COVID-19 tiga (3) hari sebelum berlepas ke Malaysia;

- ii. Membayar apa-apa caj yang dikenakan oleh kerajaan termasuk ujian COVID-19, kuarantin dan caj kemasukan hospital jika berkaitan;
4. Adalah dimaklumkan bahawa arahan ini berkuatkuasa mulai 14 Disember 2020. Bersama-sama ini disertakan carta alir kemasukan pengembara dari luar negara seperti dalam Lampiran 1 dan Lampiran 2 sebagai rujukan. Di samping itu, tatacara untuk tindakan pengembara sediaada adalah masih kekal (Lampiran 3).
5. Perhatian dan kerjasama YBhg. YBhg. Dato' Sri/ Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Tuan dalam melaksanakan perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menjalankan amanah,



(TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH)

s.k.

Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (PS&T)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kanan
Bahagian Perkhidmatan Farmasi, KKM

Pengarah
Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

Pengarah
Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM

Pengarah
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, KKM

Pengarah
Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam, KKM

Pengarah
Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan

Pengarah
Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

Setiausaha Sulit Kanan kepada YB Menteri Kesihatan Malaysia

Setiausaha Sulit Kanan kepada YB Timbalan Menteri Kesihatan I

Setiausaha Sulit Kanan kepada YB Timbalan Menteri Kesihatan II

SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk Hj. Mohd Rabin bin Basir

Ketua Pengarah

Majlis Keselamatan Negara

Jabatan Perdana Menteri, Aras LG & G, Blok Barat,

Bangunan Perdana Putra

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62502 Putrajaya

YBhg. Datuk Dr. Aminuddin bin Hassim

Ketua Pengarah

Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)

Aras B1, 6 & 7, Blok D5, Kompleks D

Pusat Pentadbiran Kerajaan, Presint 1, 62502 Putrajaya

YBhg. Dato' Sri M. Shahrul Ikram Yaakob

Ketua Pengarah

Kementerian Luar Negeri

Wisma Putra, No 1, Jalan Wisma Putra

Presint 2, 62602 PUTRAJAYA

YBhg. Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud

Ketua Pengarah

Ibu Pejabat Jabatan Imigresen Malaysia,

(Kementerian Dalam Negeri)

No. 15, Tingkat 1-7, (Podium)

Persiaran Perdana, Presint 2,

62550 Putrajaya.

YBhg. Dato' Dr. Noor Zari bin Hamat

Ketua Setiausaha

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia

No. 2, Menara 1, Jalan P5/6,

Presint 5,

62200 Putrajaya

YBhg. Datuk Isham bin Ishak

Ketua Setiausaha


Kementerian Pengangkutan Malaysia


No. 26, Jalan Tun Hussein, Presint 4,

62100 Putrajaya


Encik Mohamad Azri bin Mohammad Rashad
Pengerusi
Airlines Operator Committee (AOC) KLIA & KLIA2
Lot N2-N3, Mezzanine Floor, Main Terminal Building
Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA)
64000 Sepang, Selangor


CARTA ALIR PENGURUSAN PENGEMBARA YANG MASUK KE MALAYSIA DARI LUAR NEGARA DENGAN KEPUTUSAN RT-PCR COVID-19





CARTA ALIR PENGURUSAN PENGEMBARA YANG MASUK KE MALAYSIA DARI LUAR NEGARA TANPA KEPUTUSAN RT-PCR COVID-19





TATACARA UNTUK TINDAKAN PENGEMBARA

- i. Pengembara memuat turun dan mengisi deklarasi kesihatan dalam aplikasi MySejahtera;
- ii. Pengembara mengimbas *QR Code* “Pengembara dari Luar Negara” dengan menggunakan aplikasi MySejahtera semasa ketibaan di PMA;
- iii. Pengembara diberikan perintah pengawasan dan pemerhatian (*Home Surveillance Order – HSO: Annex 14*) dan memasang *wristband* kepada pengembara di PMA. Pengembara ini akan dipanggil sebagai *Person Under Surveillance (PUS)*;
- iv. PUS dikehendaki menjalani kuarantin wajib selama tujuh (7) hari bagi yang menunjukkan bukti laporan ujian RT-PCR COVID-19 dan 10 hari bagi yang tiada laporan ujian. Fi ujian perlu ditanggung oleh PUS;
- v. PUS untuk membuat penilaian sendiri setiap hari melalui *Home Assessment Tool* dalam aplikasi MySejahtera dan aktiviti ini perlu diteruskan sehingga 14 hari dari tarikh ketibaan; dan
- vi. PUS menjalankan swab ujian RT-PCR / RTK Ag COVID-19 pada hari ke-5 (*Day 5*) tempoh kuarantin bagi yang menunjukkan bukti laporan ujian RT-PCR COVID-19 dan hari ke-8 (*Day 8*) bagi yang tiada laporan ujian. Jika ujian RT-PCR / RTK Ag COVID-19 ini adalah negatif, pelepasan perintah pengawasan & pemerhatian (*release order - RO*) akan diberikan pada hari ke-7 (*Day 7*) bagi yang menunjukkan bukti laporan ujian RT-PCR COVID-19 dan hari ke-10 (*Day 10*) bagi yang tiada laporan ujian.